

BERITA HARIAN, JUMAAT, 25 APRIL, 1980

# Petrol: Pengguna tidak dapat subsidi dikesal

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyesali keputusan Kerajaan tidak memberi subsidi kepada pengguna petrol berikutan kenaikan harga petrol **c u m** yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Presidennya, Encik T. S. Gill menegaskan Kerajaan seharusnya pertimbangkan secara teliti kemungkinan pengguna petrol menikmati subsidi harga.

Katanya, sebahagian keuntungan Kerajaan dari jualan minyak mentah ke negara asing perlu digunakan untuk subsidi kepada harga petrol.

Bellau melahirkan rasa hampa ketika diminta mengulas kenaikan harga petrol dari \$3.69 kepada \$4.04 segelen (premium) dan dari \$3.35 kepada \$3.82 segelen (regular).

Bellau bertanya mengapa Kerajaan seolah-olah berpendapat pengguna petrol tidak perlu menikmati subsidi seperti pengguna diesel dan minyak tanah.

## Barang2

Harga baru segelen diesel ialah \$1.62 berbanding dengan \$1.30 sebelum ini, manakala harga minyak tanah naik dari \$1.30 kepada \$1.60 segelen.

Sementara itu, subsidi untuk diesel ditambah dari 46 sen kepada 86 sen segelen dan subsidi untuk minyak tanah

bertambah dari 51 sen kepada \$1.04.

Encik T.S. Gill bimbang harga barang-barang harian mungkin juga naik berikutan pengumuman harga minyak yang baru.

Katanya, kalau syarikat minyak boleh mendapat kenaikan harga akibat pertambahan harga bahan tersebut di pasaran antarabangsa, maka syarikat-syarikat yang banyak menggunakan minyak tentu akan menuntut kenaikan harga bagi barangannya untuk memelihara keuntungan.

Bellau enggan membuat sebarang cadangan mengenai kawalan harga setakat ini kerana pihaknya akan meneliti implikasi kenaikan harga minyak itu dengan lebih mendalam lagi.

No  
No